

17 FEB 2003

Aman-Pembangkok

ANGGOTA PARLIMEN PEMBANGKANG DIJEMPUT KE PERHIMPUNAN AMAN 23 FEB

PUTRAJAYA, 17 Feb (Bernama) -- Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) akan menghantar jemputan kepada semua Anggota Parlimen parti pembangkang ke Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia yang akan turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Ahad ini.

Penyelaras Aman Malaysia, Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata Aman Malaysia menolak fahaman politik dalam usaha mewujudkan keamanan dunia sejagat dan menentang peperangan.

Beliau berkata demikian setelah menerima memorandum deklarasi keamanan menentang kempen perang Amerika Syarikat ke atas Iraq daripada Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Datuk Mohd Zin Mohamed hari ini, dan disaksikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis selaku wakil Timbalan Perdana Menteri yang tidak dapat hadir kerana urusan ke luar negara.

Katanya lagi, dalam mana-mana program Aman Malaysia, sama ada bercorak kolokium, seminar atau ekspo, semua Anggota Parlimen parti pembangkang telah dijemput.

Beliau menjangkakan secara realistik 150,000 orang akan datang ke perhimpunan yang akan menyaksikan suara rakyat dan 1,100 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diwakili 4 juta ahli, didengar dan diterjemahkan kepada Perdana Menteri.

Perhimpunan pada 23 Feb itu akan juga menyaksikan penyampaian deklarasi memorandum oleh Aman Malaysia kepada Perdana Menteri beserta dengan 1.2 juta hingga 1.5 juta tandatangan bagi menentang peperangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Perhimpunan tersebut bermula pada 1 petang hingga 2 pagi dengan konsert bermula pada 5 petang sehingga 2 pagi. Perdana Menteri dijangka tiba ke perhimpunan itu pada 8.45 malam.

Dr Shamsul berkata Aman Malaysia akan menguruskan kemudahan logistik bagi memudahkan pengunjung seperti memanjangkan masa perkhidmatan Transit Laju Ringan (LRT) dan bas perantara sehingga 2 pagi.

Memorandum yang diserahkan hari ini telah ditandatangani oleh semua exco BBC.

Terkandung dalam memorandum tersebut termasuklah pendirian BBC menentang penggunaan kekerasan yang disifatkannya sebagai cara yang tidak bertamadun, menyiksa rakyat tidak berdosa dan merencatkan ekonomi dunia terutamanya ekonomi Dunia Ketiga.

BBC menyokong pendirian tegas Perdana Menteri yang tidak bersetuju Amerika Syarikat menyerang Iraq walaupun ianya mendapat persetujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menyokong usaha penyelesaian secara rundingan dan diplomatik.

-- BERNAMA

MFZ KHY HM